

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 6 JANUARI 2015 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Kawasan banjir Pahang jadi 'daerah angkat'	Utusan Malaysia
2	MOA beri bantuan pascabanjir	Kosmo
3	Ministries to 'adopt' 7 Pahang districts	New Straits Times
4	Rough seas, strong winds expected tomorrow	New Straits Times
5	Aktiviti nelayan Labuan terjejas laut bergelora teruk - LKIM	Bernama.com
6	Persiapan Johor hadapi kemungkinan gelombang ketiga banjir libatkan lebih banyak agensi, kementerian	Bernama.com
7	CyberSecurity Malaysia bantu jabatan baik pulih data rosak akibat banjir	Bernama.com

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 5**  
**TARIKH : 6 JANUARI 2015 (SELASA)**



**ISMAIL SABRI YAAKOB** (kanan) ketika mempengerusikan mesyuarat penyelaras pascabanjir peringkat negeri Pahang di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFIZ

## Kawasan banjir Pahang jadi 'daerah angkat'

**PUTRAJAYA 5 Jan.** - Kawasan yang dilanda banjir di Pahang akan dijadikan 'daerah angkat' oleh beberapa kementerian supaya bantuan dapat disedia dan diselaraskan secara berkesan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Bera akan menjadi 'daerah angkat' untuk kementeriannya.

"Jerantut dan Kuantan akan menjadi 'daerah angkat' Kementerian Pertahanan, Temerloh (Kementerian Kerja Raya), Kuala Lipis (Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar), Maran (Kementerian Sumber Manusia) dan Pekan (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi).

"Banjir turut berlaku di Raub dan Rompin, walau bagaimanapun kerosakan yang dialami dua daerah ini adalah lebih kecil berbanding enam daerah lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat penyelaras pascabanjir peringkat Pahang di kementeriannya di sini hari ini.

Ismail Sabri berkata, kementeri-



**Perkara yang akan diberi perhatian serius hari ini ialah usaha pembersihan. Di Pahang, kerja pembersihan telah dimulakan di Bera, Jerantut, Kuala Lipis dan Temerloh.**

**ISMAIL SABRI YAAKOB  
Menteri Pertanian  
dan Industri Asas Tani**

annya telah diberi peranan untuk memberi tumpuan kepada bantuan pascabanjir di Pahang manakala negeri-negeri lain akan diberi perhatian oleh kementerian berbeza.

Beliau berkata, Kementerian Dalam Negeri umpamanya akan memberi tumpuan kepada Perak dan Kementerian Pendidikan

(Kelantan).

"Perkara yang akan diberi perhatian serius hari ini ialah usaha pembersihan. Di Pahang, kerja pembersihan telah dimulakan di Bera, Jerantut, Kuala Lipis dan Temerloh.

"Selain itu, kita perlu menyediakan barang-barang yang amat diperlukan oleh mangsa banjir, selain menyelaraskan aktiviti sukarelawan di kawasan banjir," katanya.

Ditanya anggaran peruntukan yang diperlukan untuk setiap keluarga mangsa banjir, Ismail Sabri berkata, perkara itu masih diteliti oleh Jawatankuasa Penyelaras Pasca Banjir, khususnya melalui kerjasama daripada pegawai daerah.

"Antaranya kita mahu mengumpul maklumat tentang jumlah bantal, selimut, tilam dan pakaian seragam sekolah yang diperlukan mangsa banjir.

"Kita tidak boleh memberi semua barang tetapi sekurang-kurangnya bantuan yang disediakan ini akan membolehkan penduduk meneruskan kehidupan," katanya.

**KERATAN AKHBAR**  
**KOSMO (BENCANA BANJIR) : MUKA SURAT 7**  
**TARIKH: 6 JANUARI 2015 (SELASA)**

Fokus utama kepada operasi pembersihan dan menyediakan keperluan asas

## **MOA beri bantuan pascabanjir**

**PUTRAJAYA** – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mengetuai usaha penyelarasan bantuan pascabanjir di Pahang dengan disokong lima lagi kementerian lain.

Konsep 'daerah angkat' dipraktikkan iaitu Jerantut dan Kuantan di bawah Kementerian Pertanian; Kementerian Kerja Raya (Temerloh); Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (Kuala Lipis); Kementerian Sumber Manusia (Maran); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Perak) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Bera).

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, MOA menubuhkan jawatankuasa penyelarasan pascabanjir Pahang pada Selasa minggu lalu yang melibatkan lima kementerian terbabit susulan keputusan Mesyuarat Khas Pengurusan Krisis Banjir.

"Dua fokus utama yang akan

diberikan perhatian iaitu operasi pembersihan di kawasan banjir dan keperluan mangsa banjir selepas pulang ke rumah masing-masing," katanya kepada pemberita selepas mempergerusikan Mesyuarat Penyelarasan Pasca Banjir Pahang di sini semalam.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohd. Arif Ab. Rahman.

Ismail Sabri memberitahu, pembahagian daerah kepada kementerian yang berlainan adalah bagi memastikan setiap kementerian dapat memberi lebih tumpuan kepada usaha pemuliharaan di sesebuah kawasan tersebut.

"Tanggungjawab setiap kementerian termasuk membeli peralatan untuk kerja pembersihan dan menyediakan keperluan asas kepada mangsa banjir

untuk meneruskan kehidupan selepas musibah tersebut.

"Buat masa ini, empat daerah telah memulakan kerja pembersihan iaitu di Bera, Jerantut, Kuala Lipis dan Temerloh kerana prosedur standard operasi kita ialah kerja pembersihan akan dimulakan sebaik mangsa pulang ke rumah," ujarnya.

Menurut Ismail Sabri, konsep 'negeri angkat' turut dipraktikkan di negeri lain terjejas banjir seperti Kelantan yang ditanggungjawabkan di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri (Perak) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (Johor).

Katanya, beliau juga meminta organisasi sukarelawan badan bukan kerajaan yang datang ke negeri terjejas banjir supaya melaporkan kepada unit penyelarasan agar kehadiran mereka



ISMAIL SABRI (kanan) mempergerusikan Mesyuarat Penyelarasan Pasca Banjir Pahang di Putrajaya semalam. Turut kelihatan Mohd. Arif (dua dari kiri) dan Tajuddin (dua dari kanan).

direkodkan serta bantuan dapat disalurkan jika diperlukan.

"Kami perlu tahu dari segi kekuatan anggota mereka dan

untuk mengelak timbul masalah termasuk anggota sukarelawan yang berlebihan di sesuatu kawasan," katanya.

# Ministries to 'adopt' 7 Pahang districts

**PUTRAJAYA:** Several ministries have been assigned to adopt a flood-hit district in Pahang as the flood situation started to improve in the east coast state.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said his ministry was appointed to lead the coordination efforts during the post-flood period in Pahang.

"There are seven districts that are badly affected and a ministry has been tasked to oversee its assigned district including the well-being of the volunteers involved in the cleaning operations," Ismail said after the

Pahang post-flood coordination committee meeting yesterday.

The Defence Ministry will adopt Jerantut and Kuantan; Works Ministry (Temerloh); Environment and Natural Resources Ministry (Kuala Lipis); Human Resources Ministry (Maran); Agriculture and Agro-based Ministry (Bera) and Science, Technology and Innovation Ministry (Pekan).

Ismail said Raub and Rompin were not badly affected.

Calling on all volunteers to register with the district offices so that they could be deployed systematically, he said: "We also want to avoid

any redundancy of manpower in the post-flood efforts."

Ismail said the ministry would also be collecting a list of essential items needed by the flood victims

The district officers had been instructed to put together the list.

Cleaning operations, he said, had begun in several districts, including Bera, Jerantut, Kuala Lipis and Temerloh.

"There is a need for more water cannons and cleaning equipment," he said, adding that the ministry would provide whatever was required during the post-flood period.

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 7**  
**TARIKH : 6 JANUARI 2015 (SELASA)**

## Rough seas, strong winds expected tomorrow

**KUALA LUMPUR:** The Meteorological Department has issued a second category warning of wind speeds of between 50km to 60km, with heavy rains and rough seas in the next few days.

The public is advised to stay away from the beaches and seas starting tomorrow for the next few days.

**Malaysian Meteorological Department** Senior Officer Ambun Dindang said the areas affected were Johor's eastern coastal areas as well as Sabah and Sarawak.

"Malaysians can expect heavy rain in certain areas in Johor on Jan 7 and 8. East Johor is expected to be hit by the rainy season on these two dates," he said, adding that low-lying areas and riverbanks were especially vulnerable.

Ambun said Sabahans did not have much to worry as only a light drizzle was expected in areas stretching from the west coast of the state to Kudat and interior areas on Jan 7 and 8. He said Sarawak could expect heavy rains, stretching from Kuching to Sibu.

"Fishermen and those travelling in small boats are advised to stay away from the sea as waters will be very choppy," he said.

The department wants fishermen, boatmen and ferry service operators to brace for strong winds and rough seas.

Ambun said waves up to 4.5m were expected on waters off Conodore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Samui, Tioman, Bunguran, Reef South and Labuan.

He said strong northeasterly winds of 40km to 50km per hour with waves of up to 3.5m were expected to occur over the waters off Pahang, East Johor, Kelantan, Terengganu, Sarawak, Sabah and the Federal Territory of Labuan.

In **Labuan**, the Malaysian Fisheries Development Authority Labuan reminded fishermen to check the weather conditions with the Meteorological Department before heading out to sea.

Its director, Dzulkifli Mad Ali, said the fishermen's income, be they commercial or traditional fishermen, had been affected since November last year due to the bad weather.

Meanwhile, Ambun said that the worst of the monsoon season is believed to be over, after having peaked in December last year.

He said the weather was expected to improve as the rains were usually heaviest in December.

"There were much worse monsoon storms which hit Malaysia years ago in 1962, 1967, 1982 and 1988, for example. The bad floods that you saw this time were not as bad as the massive floods which occurred then" he said.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 6 JANUARI 2015 (SELASA)**



## **Aktiviti Nelayan Labuan Terjejas Laut Bergelora Teruk - LKIM**

LABUAN, 5 Jan (Bernama) -- Aktiviti penangkapan ikan para nelayan terjejas kerana keadaan laut yang bergelora teruk sejak minggu lepas berikutan episod hujan monsun yang dijangka berlaku minggu ini.

**Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)** menjangkakan episod hujan monsun itu bermula pada Rabu atau Khamis ini dan berkemungkinan membawa taburan hujan berterusan sehingga tiga hari di beberapa negeri khususnya Johor, Sabah dan Sarawak.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Labuan mengingatkan nelayan supaya sentiasa memeriksa keadaan cuaca dengan MetMalaysia sebelum ke laut untuk menangkap ikan.

Pengaruhnya, Dzulkifli Mad Ali berkata pendapatan nelayan, sama ada nelayan komersial ataupun tradisional, terjejas sejak November hingga Disember tahun lepas berikutan cuaca buruk.

"Bagaimanapun, senario itu diterima nelayan di sini, kerana keadaan cuaca di luar kawalan kami," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Dzulkifli berkata berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu, kebanyakan nelayan melakukan kerja-kerja membaiki peralatan menangkap ikan di Kompleks Perikanan LKIM dan jeti di Kiansam.

Katanya, sebanyak 880 nelayan komersial dan tradisional berdaftar dengan LKIM Labuan setakat ini.

Pada Sabtu lepas, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin menasihatkan penduduk yang terdedah kepada risiko banjir musim tengkujuh supaya sentiasa mengikuti perkembangan terkini cuaca berikutan episod hujan monsun yang dijangka berlaku.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 6 JANUARI 2015 (SELASA)**



## **Persiapan Johor Hadapi Kemungkinan Gelombang Ketiga Banjir Libatkan Lebih Banyak Agensi, Kementerian**

JOHOR BAHRU, 5 Jan (Bernama) -- Persiapan dalam menghadapi gelombang ketiga banjir di negeri ini yang dijangka tidak lama lagi, kini diperkemaskan dengan penyertaan lebih banyak agensi-agensi lain bagi memantapkan lagi pengurusan bagi menghadapi bencana itu.

Dengan berpandukan keadaan banjir di Kelantan, Terengganu dan Pahang baru-baru ini, pihak Majlis Keselamatan Negera (MKN) Johor turut mengambil kira peranan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) untuk turut serta dalam gerak kerja menghadapi banjir di negeri itu.

Ketua Penolong Setiausaha MKN Johor, Azura Muhammed Kifli berkata persiapan kali ini lebih kepada persediaan menghadapi keadaan banjir di luar jangka.

"Ada beberapa agensi baru yang dilibatkan dalam pengurusan bencana seperti KPDKKK dan SKMM bagi mengukuhkan lagi jentera.

Berdasarkan situasi banjir yang lepas, mereka akan bantu selaraskan ikut fungsi jabatan masing-masing seperti KPDKKK memastikan kelangsungan bahan bakar semasa bencana manakala SKMM menyelaras syarikat komunikasi dan (sistem)komunikasi alternatif," kata beliau kepada Bernama di sini hari ini.

Selain itu, Azura berkata setiap daerah juga diminta untuk merangka pelan penempatan aset secara bersepada bagi mengelakkan pembaziran logistik terutama dalam keadaan kritikal.

"Aset-aset agensi seperti bot, lori dan trak, kita selaraskan penggunaan dan kawasan agar tiada pertindihan semasa bagi bantuan. Tiadalah nanti timbul persoalan yang semua bot digerakkan ke satu tempat sahaja," kata beliau.

Selain itu, bagi menyelaraskan bantuan makanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan stor pangkalan hadapan di daerah-daerah berisiko bagi memudahkan penyimpanan dan pengedaran bantuan.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat negeri Mohd Rizal Buang berkata pihak bomba mengambil peluang tempoh bertenang ini untuk memulihkan aset-aset bomba yang dipinjamkan ketika banjir di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Selain itu, 44 anggota bomba yang turut membantu operasi banjir di tiga negeri itu juga sudah dipanggil balik memandangkan situasi banjir di sana kian pulih.

"Kita mempunyai 52 bot pelbagai jenis, 60 (kenderaan) pacuan empat roda dan 10 lori lima tan dan tiga tan yang boleh digunakan untuk bencana banjir dan misi menyelamat mangsa. Selain itu, kekuatan anggota bomba negeri ini adalah seramai 1,200 orang," kata beliau ketika dihubungi Bernama di sini.

Mohd Rizal berkata selain itu, pihak bomba juga mempunyai 600 anggota bomba sukarelawan dan 50 anggota bomba bantuan yang sedia dikerahkan ketika bencana banjir.

Beliau turut memuji persediaan kebanyakan rakyat Johor yang sentiasa mengikuti perkembangan cuaca dan banjir sehingga memudahkan proses perpindahan yang terjadi baru-baru ini.

"Saya dapat kesedaran rakyat negeri Johor mengenai banjir semakin baik. Ini dapat disaksikan ketika banjir baru-baru ini, apabila mereka mengambil inisiatif sendiri untuk berpindah bila air telah naik ke paras buku lali. Tiada kes yang melibatkan anggota kita menyelamat mangsa menggunakan bot kerana mereka sudah berpindah bila paras air makin naik," kata beliau.

Bagaimanapun, bagi banjir gelombang ketiga ini, beliau menasihatkan agar masyarakat terus mengikuti dan berwaspada dengan sebarang berita atau amaran yang dikeluarkan oleh [Jabatan Meteorologi Malaysia \(MetMalaysia\)](#) sebagai persiapan.

Antara daerah yang dijangka banjir akibat hujan monsun itu termasuk daerah Kota Tinggi, Mersing, Batu Pahat dan Muar.

Pada 3 Jan lepas, MetMalaysia berkata episod hujan monsun dijangka bermula 7 atau 8 Jan ini dengan kemungkinan membawa taburan hujan berterusan selama dua hingga tiga hari di negeri seperti Johor, Sabah dan Sarawak.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 6 JANUARI 2015 (SELASA)**



## **CyberSecurity Malaysia Bantu Jabatan Baik Pulih Data Rosak Akibat Banjir**

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- [\*\*CyberSecurity Malaysia\*\*](#) akan membantu jabatan serta agensi kerajaan membaik pulih data penting serta maklumat kritikal yang musnah atau rosak akibat banjir.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Ewon Ebin** berkata perkhidmatan pemulihan data itu akan disediakan melalui kepakaran dan kerjasama strategik CyberSecurity Malaysia dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, dalam bidang forensik digital.

"Dengan kepakaran dan kelengkapan prasarana yang sedia ada, sudah pasti perkhidmatan ini dapat membantu jabatan serta agensi kerajaan membaik pulih dan menyelamatkan data mereka.

"Oleh itu, mereka (jabatan dan agensi) boleh meneruskan operasi dengan menawarkan perkhidmatan secara berterusan kepada rakyat setelah keadaan kembali pulih di negeri-negeri yang dilanda banjir," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pada 30 Dis lepas, CyberSecurity Malaysia telah menjalin kerjasama dengan MAMPU bagi memantapkan keupayaan keselamatan digital, seiring dengan kemajuan teknologi maklumat semasa.

-- BERNAMA